

## Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana

Norlizah Mat Ali<sup>1</sup> & Fadzilah Abd Rahman<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Menengah Kebangsaan Dusun Nanding, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan salah satu inovasi pendidikan dalam usaha mencorak generasi baharu yang berupaya menyelesaikan masalah dengan kreatif dan kritis. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Howard Barrows pada tahun 1960-an ini mulai bertapak di Malaysia seawal tahun 1980-an namun terlalu kurang kajian terhadap pendekatan ini terutama terhadap guru-guru Bahasa Melayu. Berdasarkan tinjauan literatur didapati guru-guru masih selesa menggunakan pendekatan kuliah dan latih tubi bagi melahirkan murid yang cemerlang dalam peperiksaan apabila sistem pendidikan masih lagi berorientasikan peperiksaan. Sedangkan terdapat banyak pendekatan aktif dan kolaboratif seperti pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah boleh dilaksanakan dan terbukti banyak kelebihannya dalam melahirkan generasi baharu yang berkualiti. Kajian ini melihat aspek sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam mewujudkan pembelajaran berkesan. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif deskriptif dengan instrumen soal selidik. Sampel yang dipilih ialah guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah harian dalam Daerah Petaling Perdana, Selangor dengan penetapan sampel secara bertujuan. Perbincangan tentang sikap guru dalam kajian ini menggunakan Teori Sikap ABC Eagly dan Chaiken (1993) sebagai asas perbincangan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya guru-guru Bahasa Melayu dalam daerah Petaling Perdana ini mempunyai tahap kesediaan sikap yang positif ( $M=3.1162$ ,  $SP=.28967$ ) terhadap pendekatan PBM, namun jika dilihat secara mendalam aspek afektif menunjukkan tahap yang sangat positif ( $M= 3.5105$ ,  $SP= .46857$ ), aspek behavioral menunjukkan tahap yang positif ( $M= 3.3523$ ,  $SP= .45415$ ). Manakala aspek kognitif guru menunjukkan tahap kesediaan yang sangat negatif ( $M=3.24727$ ,  $SP=.58361$ ). Situasi ini menggambarkan masih terdapat kelemahan dari segi penerimaan guru terhadap pendekatan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini diharap dapat memberi ruang kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai kembali penyediaan kursus dan pendedahan kepada guru-guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan yang berkONSEP penyelesaian masalah serta berpusatkan murid dalam melahirkan generasi yang mampu berdaya saing.

Kata Kunci: Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah, sikap guru bahasa Melayu, pengajaran dan pembelajaran

### Abstract

Problem Based Learning approach is one of the innovation education in shaping a generation that is able to solve problems creatively and critically. The approach was introduced by Howard Barrows in 1960s and it starts to gain a foothold in Malaysia as early as the 1980s but too little research on this approach were made particularly against Malay Language teachers. Based on literature review, teacher still using approach to lecture

\* Corresponding author: [dzila@upm.edu.my](mailto:dzila@upm.edu.my)

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

and drill to produce students who excel in the examination when the system is still exam-oriented education. While there are many active and collaborative approach as PBL can be implemented and proven many advantages in creating a quality of new generations. This study examines the attitude of Malay Language teachers in the implementation of Problem Based Learning (PBL) approach in creating an effective learning. This study was conducted quantitative descriptive with the questionnaires used. The selected sample is Malay Language teachers in secondary schools in the districts of Petaling Perdana, Selangor with the aim of determining the sample. In a discussion about the attitudes of teachers, this study uses the theory of attitude ABC Eagly and Chaiken (1993) as a basis for discussion. The findings showed that overall of Malay Language teachers in the Petaling Perdana has a positive level ( $M = 3.1162$ ,  $SD = .28967$ ) to PBL approach but if we look deeply affective aspects showed a very positive level ( $M = 3.5105$ ,  $SP = .46857$ ), behavioral aspects showed a positive level ( $M = 3.3523$ ,  $SD = .45415$ ) and cognitive showed very negative ( $M = 3.24727$ ,  $SD = .58361$ ) shows there are still weaknesses in the attitude towards the approach PBL in learning Malay Language. This study is expected to reiterate the space to the parties to reassess the provision of courses and exposure to Malay Language teachers to approach the concept of active and collaborative and student-centered like PBL to produce a competitive generation and solve problems critically and creatively.

Keywords: Problem-Based Learning approach, the attitude of Malay Language teachers, teaching and learning

---

## PENDAHULUAN

Sistem pendidikan negara sentiasa mengalami penambahbaikan dari masa ke masa terutama melibatkan aspek pedagogi bagi meningkatkan pencapaian prestasi dan penyediaan murid menjadi modal insan yang selari dengan kehendak pasaran global. Perubahan sistem pendidikan negara juga sejajar dengan kehendak UNESCO iaitu menekankan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Guru-guru sebagai kelompok penting dan agen penggerak utama transformasi pendidikan di samping menjadi barisan utama dalam penyampaian maklumat (Mohd Izham, 2007) dan menjadi pembimbing serta pencetus kepada murid-murid untuk terus belajar. Matlamat pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, antara lain bertujuan melahirkan generasi yang mampu menyelesaikan masalah dan boleh bersaing pada peringkat global terutama dalam kerjaya mereka. Kajian Ramlah Jantan (2004), mendapati sistem pendidikan banyak bergantung kepada guru, papan tulis, dan buku teks, menyukarkan matlamat pendidikan negara ini mencapai sasaran. Menerusi PPPM 2013-2025, pembelajaran aktif dan kolaboratif diberi penekanan melalui pembelajaran abad ke-21 (Buletin Anjakan Bil 3/2015). Salah satu pendekatan pembelajaran aktif dan kolaboratif ialah pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM). Pendekatan PBM menurut Howard Barrows (1980), ialah pendekatan yang menggunakan situasi masalah sebenar sebagai titik tolak proses pembelajaran. Pendekatan PBM yang diperkenalkan oleh Barrows pada tahun 1960-an mula bertapak di Malaysia sekitar tahun 1980-an dan telah banyak kajian dilakukan terhadap keberkesanannya PBM di Malaysia sejak mula diamalkan terutama di institusi pengajian tinggi (Berhannudin, 2011; Hussain Othman, 2008).

### *Pernyataan Masalah, Objektif dan Persoalan Kajian*

Sistem pendidikan di Malaysia masih lagi berorientasikan peperiksaan apabila murid-murid perlu menduduki peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setiap pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam tersebut masih dijadikan kayu pengukur kejayaan dan kecemerlangan seseorang murid ( Yahya Othman, 2012). Lazimnya guru lebih selesa menggunakan kaedah kuliah dan latih tubi bagi menyediakan murid yang cemerlang dalam peperiksaan. Namun begitu hasil beberapa kajian menunjukkan kurangnya kemahiran generik dalam kalangan murid biarpun memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan kesan daripada pendekatan kuliah dan latih tubi yang dipilih (Umi Nadiha (2011) dan Salha Mohamed Hussain (2014)). Sehubungan itu sebagai golongan pendidik seharusnya bersedia mengorak langkah dalam memperbaiki diri dan menukar pendekatan pembelajaran seiring kemajuan teknologi dan keperluan kerjaya semasa. Menjadi tanggungjawab guru mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan generasi baharu yang berkualiti (Buletin Anjakan Bilangan 7/2015) Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan ialah pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah. Tetapi masalahnya adakah guru terutama guru Bahasa Melayu benar-benar bersedia melakukan perubahan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran? Menurut Railsback (2002), apabila guru tidak bersedia setiap inovasi akan berdepan dengan masalah dan menjadi beban kepada guru dalam proses pelaksanaan di sekolah.

Kajian ini memfokuskan kepada sikap guru memandangkan guru adalah penentu kepada keberkesanannya sesuatu perubahan pendidikan. Guru yang tidak bersedia dengan inovasi akan berdepan dengan masalah dan menjadi satu beban kepada guru dalam melaksanakan perubahan pendidikan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap guru Bahasa Melayu dari aspek afektif, tingkah laku dan kognitif terhadap pelaksanaan

pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dan menjawab persoalan kajian iaitu apakah sikap guru terhadap pendekatan PBM sebagai salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran?

#### *Kepentingan dan Batasan Kajian*

Dapatkan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak sekolah dalam merangka kursus kepada guru-guru dalam persediaan mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran aktif dan kolaboratif seperti PBM. Melalui dapatan kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti masalah yang timbul sehingga mempengaruhi sikap guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBM dan langkah sesuai perlu diambil bagi menangani masalah yang melibatkan sikap guru ini.

Kajian ini terbatas kepada guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah harian di Daerah Petaling Perdana, Selangor seramai 275 orang sampel yang terlibat. Dapatkan dianalisis bagi melihat nilai min dan peratusan serta kolerasi bagi melihat hubungan sikap dengan faktor lain yang berkaitan sikap guru seperti pengetahuan dan kemahiran serta kekangan yang ada.

Buletin Anjakan Bil 5/2015 mendedahkan kepentingan pembelajaran abad ke-21 yang selari dengan kehendak global dalam melahirkan generasi yang berdaya saing dalam kehidupan sebenar mereka.

#### *Metodologi dan Persampelan Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif dengan borang soal selidik sebagai instrumen. Data yang diperoleh diproses menggunakan perisian SPSS versi 17. Populasi kajian ialah guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah harian dalam Daerah Petaling Perdana. Persampelan kajian menggunakan persampelan bertujuan kerana menurut Wiersma (2000), kaedah ini boleh digunakan apabila tujuan kajian adalah berfokus kepada kumpulan tertentu. Seramai 275 orang guru Bahasa Melayu menjadi responden kajian.

Sikap guru diinterpretasikan kepada empat iaitu sangat positif, positif, negatif dan sangat negatif. Julat antara tahap sikap guru ini dinilai berdasarkan nilai min tertinggi iaitu 3.79 dan terendah 2.21 dan julat antara kategori ialah 1.58. Berikut adalah interpretasi sikap berdasarkan kategori yang dibuat;

#### JADUAL 1:

Interpretasi Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah

<b>Kategori Sikap Guru</b>	<b>Nilai Min</b>
Sangat negatif	2.210 – 2.605
Negatif	2.606 – 3.001
Positif	3.002 – 3.397
Sangat positif	3.398 – 3.790

Ubahsuai daripada Pallant, J. (2007). SPSS Survival manual: A Step-by-step guide to data analysis using spss for windows (3rd ed.). New York: McGraw Hill

#### *Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran*

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) merupakan salah satu inovasi pendidikan abad ke-21 yang mula diperluaskan dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan menekankan konsep pembelajaran aktif dan kolaboratif. Pelaksanaan pendekatan PBM membuktikan bahawa guru bukanlah satu-satunya sumber ilmu dan rujukan murid dalam pembelajaran (Buletin Anjakan Bilangan 7/2015). Menurut Hussain Othman (2008), terdapat pelbagai sumber untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan maklumat iaitu melalui penerbitan seperti petikan jurnal, akhbar, makalah dan buku-buku; serta melalui kaedah lapangan seperti temu bual dan pemerhatian (Barrett, T., Cashman, D. & Moore, S., 2011)

Definisi awal PBM yang dikemukakan oleh Howard Barrows (1980), ialah satu pendekatan pembelajaran yang menggunakan situasi sebenar yang kompleks yang tidak ada jawapan betul atau salah. Yang membezakan pendekatan PBM dengan pendekatan lain seperti Penemuan Inkuiri atau Pendekatan Berasaska Projek ialah Pendekatan PBM mementingkan proses penyelesaian masalah berbanding hasil dapatan perbincangan. Murid akan berkerja secara berpasukan bagi menyelesaikan masalah yang diberi di samping aktiviti pembelajaran kendiri yang dilakukan sepanjang proses pembelajaran. Guru hanyalah bertindak sebagai fasilitator dan penggerak aktiviti selain menyediakan masalah yang sesuai sebagai pencetus pembelajaran (Adenan Ayob, 2012; Oon-Seng Tan, 2007; Graaff dan Kolmos, 2003;).

Menurut Adenan Ayob (2012) dan Zaharul Laili (2007), terdapat banyak model penyelesaian masalah termasuklah Model Polya(1973),Model Newell & Simon( 1972), Model Mayer (1983) yang memperkenalkan proses penyelesaian masalah, begitu juga langkah pelaksanaan pendekatan PBM yang diperkenalkan oleh Howard Barrows (1980) dan Lynda Wee (2004) yang mengandungi tujuh langkah.

Berdasarkan cadangan langkah penyelesaian masalah oleh langkah yang diperkenalkan oleh Lynda Wee (2004) dan Barrows (1980), dapat diringkaskan kepada empat peringkat iaitu peringkat persediaan sebagai peringkat permulaan. Dalam peringkat ini guru membentuk kumpulan murid dengan peranan masing-masing. Kemudian guru memberikan tugas iaitu masalah sebagai pencetus pembelajaran. Peringkat kedua ialah peringkat perkembangan iaitu kumpulan murid yang dibentuk tadi akan mengenal pasti masalah dan menjana idea-idea untuk menyelesaikan masalah tersebut di samping proses mengenal pasti isu pembelajaran untuk membantu proses penyelesaian masalah. Peringkat ketiga iaitu pencarian maklumat di mana setiap individu akan mencari maklumat tambahan dengan merujuk sumber seperti jurnal, akhbar, majalah atau menemui ramah orang sumber. Peringkat keempat ialah peringkat refleksi atau penilaian. Dalam peringkat ini aktiviti membuat sintesis dan aplikasi berlaku dengan setiap ahli kumpulan akan berkongsi dapatan dalam kumpulan sendiri. Setiap kumpulan juga akan membuat pembentangan dalam pelbagai bentuk misalnya sketsa atau laporan. Seterusnya proses penilaian atau refleksi akan berlaku bagi menambah baik langkah penyelesaian yang dicadangkan. Hussain Othman (2008) menegaskan bahawa pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah mementingkan proses penyelesaian masalah berbanding hasil dapatan yang diperoleh. Melalui proses pembelajaran yang berlaku murid-murid akan peroleh pelbagai ilmu seperti kerja berkumpulan, berkomunikasi, pencarian, pemprosesan dan penyaringan maklumat, dan kemahiran membuat keputusan.

Aktiviti penyelesaian masalah dalam pendekatan PBM mempunyai kelebihan tersendiri antaranya mampu memantapkan minda murid dengan memberi peluang mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran, merangsang aspek pemikiran kritis dan kreatif, mempertingkatkan penguasaan bahasa, menggalakkan pemerhatian dan pengujian hipotesis, memperkembang keyakinan dan kepakaran, menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan, bermakna dan relevan, menggalakkan kerja berpasukan dan melatih murid bijak merancang (Nariman,N. & Chrispeels,J. , 2016)

Secara ringkasnya, seorang guru yang kreatif akan bersedia berperanan sebagai pendorong dan membantu murid berkembang dan berkemahiran tinggi melalui proses pembelajaran. Kekreatifan dan kesediaan guru bergantung kepada sikap guru untuk mempelbagaikan pendekatan pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran berkesan (Jamal@Nordin, 2011).

#### *Kesediaan Sikap Guru terhadap Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah*

Terdapat banyak teori sikap apabila melihat kesediaan sikap guru dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran. Dalam kajian ini Teori Sikap ABC Eagly & Chaiken (1993) digunakan dengan melihat aspek afektif, tingkah laku dan kognitif yang ada pada responden. Aspek kognitif guru dilihat daripada pengetahuan dan persepsi atau tanggapan yang diperoleh daripada hubungan pengalaman langsung dengan objek rangsangan serta maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Manakala aspek afektif pula terbentuk daripada perasaan atau emosi terhadap bahan rangsangan yang menjadi penilaian kepada individu sama ada menyukai atau tidak objek berkenaan. Aspek tingkah laku pulaberkait dengan kecenderungan individu untuk melaksanakan sesuatu tindakan dan memberi tindak balas terhadap bahan rangsangan yang diterima. Menurut Eagly & Chaiken (1993), pola pembentukan sikap akan bermula apabila seseorang menerima maklumat tentang konsep, objek dan produk seterusnya maklumat itu akan disaring dan dipertimbangkan untuk dipilih berdasarkan keperluan, nilai, keperibadian, dan kepercayaan individu terhadap maklumat yang diperoleh. Selepas itu barulah berlakunya pembentukan, perubahan, dan pengesahan sikap dalam kepercayaan individu terhadap rangsangan yang diterima.

Dalam kajian ini, bahan rangsangannya ialah pelaksanaan pendekatan PBM yang diterima oleh guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pendekatan PBM dalam pengajaran dan pembelajaran dari segi emosi, tanggapan dan tingkah laku.

#### **DAPATAN KAJIAN**

Bagi melihat sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah, sebanyak 19 item dalam instrumen telah dibentuk berkaitan sikap guru yang berkaitan dengan sikap afektif, behavioural dan kognitif responden. Daripada 275 responden, didapati sebanyak 106 orang guru (39%) mempunyai sikap yang sangat positif terhadap PBM, diikuti 96 orang (35%) mempunyai sikap negatif, 45 orang (16%) mempunyai sikap positif dan 28 orang (10%) mempunyai sikap sangat negatif. Tahap Sikap guru

Bahasa Melayu secara keseluruhannya dilihat berada pada tahap positif dengan nilai min keseluruhan ialah 3.1162(SP=.28967)

JADUAL 2:  
Sikap Guru terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah

<b>Sikap Guru</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>SP</b>	<b>Min</b>
Sangat Negatif	28	10		
Negatif	96	35		
Positif	45	16		
Sangat Positif	106	39		
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>	<b>.28967</b>	<b>3.1162</b>

Manakala bagi subkonstruk, sikap afektif guru Bahasa Melayu mencatat nilai min 3.51 (SP=.468) iaitu berada pada tahap yang sangat positif, sikap behavioral pula mencatat tahap yang positif iaitu 3.352 (SP=.454) dan tahap yang negatif bagi sikap kognitif.

*Konstruk Afektif (perasaan/emosi Guru)*

JADUAL 3:  
Sikap Guru Bahasa Melayu dari Aspek Afektif

<b>Sikap Guru</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>SP</b>	<b>Min</b>
Sangat Negatif	6	2		
Negatif	84	31		
Positif	37	13		
Sangat Positif	148	54		
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>	<b>.46857</b>	<b>3.5105</b>

Tahap sikap afektif guru dalam pelaksanaan Pendekatan PBM menunjukkan sebanyak 148 orang guru (54%) mempunyai tahap sikap yang sangat positif, diikuti 84 orang (31%) mempunyai tahap sikap negatif, 37 orang (13%) mempunyai tahap sikap positif dan 6 orang guru (2%) mempunyai sikap yang sangat negatif. Ini menunjukkan peratus tahap sikap afektif guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pendekatan PBM guru berdasarkan konstruk ini berada pada tahap sangat positif.

Dapatan ini menggambarkan guru-guru Bahasa Melayu sangat bersedia untuk melaksanakan pendekatan PBM sebagai salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Guru-guru seronok dan bersedia untuk melaksanakan pendekatan PBM. Dapatan turut menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi kesemua item konstruk afektif ialah ( $M= 3.5105$ ,  $SP= .46857$ ) iaitu sangat positif.

*Konstruk Behavioral (Tindak balas)*

JADUAL 4:  
Sikap Guru Bahasa Melayu dari Aspek Behavioral

<b>Sikap Guru</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>SP</b>	<b>Min</b>
Sangat Negatif	15	5		
Negatif	106	39		
Positif	46	17		
Sangat Positif	108	39		
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>	<b>.45415</b>	<b>3.3523</b>

Tahap sikap behavioral guru dalam Pelaksanaan Pendekatan PBM menunjukkan sebanyak 108 orang guru (39%) mempunyai tahap sikap yang sangat positif, diikuti 106 orang (39%) mempunyai tahap sikap negatif, dan 46 orang (17%) mempunyai tahap sikap positif dan 15 orang guru (15%) mempunyai sikap yang sangat negatif. Ini menunjukkan tahap sikap behavioural guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan Pendekatan PBM guru berdasarkan konstruk ini secara keseluruhannya berada pada tahap positif ( $M=3.3523$ ,  $SP=.45415$ ). Dapatkan ini menunjukkan guru-guru Bahasa Melayu bersedia melaksanakan pendekatan PBM namun guru-guru ini perlu diberikan latihan dan pengetahuan yang mencukupi bagi meningkatkan tahap kesediaan yang sangat positif.

#### *Konstruk Kognitif (Pengetahuan/ Persepsi Guru tentang PBM)*

JADUAL 5:  
Sikap Guru Bahasa Melayu dari Aspek Kognitif

Sikap guru	Kekerapan	Peratus (%)	SP	Min
Sangat Negatif	54	20		
Negatif	111	40		
Positif	88	32		
Sangat Positif	22	8		
<b>Jumlah</b>	<b>275</b>	<b>100.0</b>	<b>.58361</b>	<b>2.4727</b>

Tahap sikap kognitif guru dalam Pelaksanaan Pendekatan PBM menunjukkan sebanyak 111 orang guru (40%) mempunyai tahap sikap yang negatif, diikuti 88 orang (32%) mempunyai sikap positif, 54 orang (20%) mempunyai sikap sangat negatif dan 22 orang (8%) mempunyai sikap sangat positif. Dapatkan turut menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi kesemua item konstruk kognitif ialah ( $M= 2.4727$ ,  $SP= .58361$ ) iaitu berada pada tahap sangat negatif. Ini menunjukkan bahawa masih banyak pengetahuan tentang PBM yang perlu dikuasai oleh guru-guru Bahasa Melayu apabila dapat menunjukkan tahap yang sangat negatif. Kekurangan pengetahuan terhadap PBL telah menyebabkan guru-guru Bahasa Melayu memberi persepsi sangat negatif pada pendekatan PBM menganggap pelaksanaan PBM adalah sukar.

#### *Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah*

Sikap ialah kecenderungan psikologi apabila seseorang menilai sesuatu sama ada positif atau negatif dan banyak mempengaruhi cara seseorang berfikir dan bertindak (Eagly dan Chaiken, 1993; Habib Mat Som, 2005). Sikap juga menurut Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji (2014), akan mempengaruhi cara seseorang guru berfikir dan bertindak terhadap persekitarannya. Menurut Mohd Izham (2007), sikap guru seharusnya positif dalam menerima perubahan terhadap sesuatu inovasi pendidikan dengan berusaha meningkatkan kemahiran diri agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan secara berkesan dan mencapai hasil pembelajaran. Abdul Rasid (2013) berpendapat bahawa guru Bahasa Melayu seharusnya mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari sesuatu pengetahuan atau mengemas kini pengetahuan tentang pendekatan pembelajaran agar dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi menarik dan menyeronokkan.

Kesediaan sikap menentukan penerimaan atau penolakan terhadap sesuatu perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara. Eagly dan Chaiken (1993) dalam Teori Sikap ABC meletakkan tiga aspek sikap yang perlu dinilai dalam setiap kajian sikap iaitu aspek afektif yang perasaan atau emosi guru terhadap bahan rangsangan yang menjadi penilaian sama ada menyukai atau tidak. Kemudian aspek behavioral berkait dengan kecenderungan individu untuk melaksanakan sesuatu tindakan dan memberi tindak balas terhadap bahan rangsangan. Seterusnya aspek kognitif yang melibatkan pengetahuan dan persepsi guru yang diperoleh secara hubungan langsung dengan objek rangsangan atau maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Berdasarkan teori ini, pembentukan sikap guru Bahasa Melayu dalam aspek penerimaan pendekatan PBM sebagai inovasi pengajaran dan pembelajaran akan berlaku hasil daripada pengetahuan yang terbentuk daripada pengalaman peribadi semasa melaksanakan pendekatan PBM dalam kelas dan juga melalui pengalaman ketika menghadiri kursus profesionalisme. Mohd Izham (2007) menyatakan bahawa seseorang guru perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terhadap pendekatan yang dipilih untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau juga turut menyatakan peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dipilih bukan sahaja berguna terhadap murid sebaliknya turut mempengaruhi peningkatan potensi diri guru itu sendiri.

Dapatkan kajian menunjukkan tahap kesediaan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan PBM adalah positif ( $M=3.1162$ ,  $SP=.28967$ ) iaitu menggambarkan guru-guru menerima pendekatan PBM sebagai salah satu

pendekatan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatkan ini tidak jauh berbeza dengan kajian Siti Suria Salim (2001) terhadap pembelajaran aktif abad ke-21 yang menunjukkan guru-guru bersedia menerima perubahan yang diperkenalkan. Menurut pandangan Fullan (2001), sikap positif guru ini akan memberi kesan yang mendalam kepada penerimaan guru terhadap setiap inovasi pendidikan. Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian Norliza Brahim (2012), juga menunjukkan tahap kesediaan sikap guru terhadap pendekatan aktif yang lain iaitu pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek secara keseluruhannya adalah positif ( $M=3.77$ ,  $SP=.423$ ,  $N=225$ ) walaupun responden yang digunakan adalah berbeza. Konstruk kognitif kajian Norliza Brahim (2012) menunjukkan min 4.00  $SP=.515$  iaitu sangat positif berbeza dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap yang sangat negatif ( $M=2.47$ ,  $SP=.58361$ ). Dapatkan ini mencerminkan persepsi guru terhadap kedua-dua jenis pendekatan ini jauh berbeza memandangkan faktor responden yang digunakan Norliza Brahim (2012) adalah guru yang sedang menjalani Kursus dalam Perkhidmatan 14 Minggu (KDP14M) dalam pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek berbanding sampel kajian ini iaitu guru sekolah yang mengikuti kursus berkaitan pembelajaran aktif atau bestari secara umum.

Dapatkan ini mencerminkan penerimaan dan sokongan guru-guru Bahasa Melayu terhadap perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan ini juga menjadi petunjuk bahawa adanya masa depan yang cerah bagi pendekatan PBM untuk terus berkembang sebagai salah satu pendekatan pembelajaran Bahasa Melayu. Fullan (2001) menegaskan pentingnya sikap guru yang positif dalam menentukan penerimaan sesuatu inovasi.

Hasil kajian ini diharapkan memberi harapan kepada pendekatan PBM agar terus diterima dan diamalkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Ramlah Jantan (2004) dan Norliza Brahim (2012), berpendapat bahawa guru-guru yang masih terikat dengan pendekatan berpusatkan guru dengan sistem pendidikan yang berteraskan peperiksaan akan memberi tekanan kepada guru. Kehendak dan keinginan guru-guru Bahasa Melayu amat penting dalam menentukan kejayaan inovasi pembelajaran ini (Tobin & McRobbie, 1996) kerana sikap guru Bahasa Melayu ini akan menjadi asas pertimbangan bagi guru-guru menyaring dan mentafsir maklumat tentang perubahan terutama berkaitan pengajaran dan pembelajaran (Lieberman & Miller, 2004).

## KESIMPULAN

Kesediaan guru dan pemilihan pendekatan yang sesuai amat berkait rapat dengan pencapaian akademik dan pembentukan sahsiah murid (Umi Nadiha, 2011) justeru pelaksanaan PBM dalam pembelajaran Bahasa Melayu dianggap sesuai untuk melahirkan murid yang terbilang dan berkualiti. Berdasarkan kajian, didapati penerimaan guru-guru Bahasa Melayu Daerah Petaling Perdana agak baik cuma memerlukan pendedahan tentang PBM agar mereka dapat mengetahui dan menguasai pendekatan PBM dengan baik. Pada persepsi guru Bahasa Melayu di daerah Petaling Perdana, pendekatan PBM bukanlah pendekatan yang sukar dilaksanakan akan tetapi, bagi mengubah sikap guru-guru Bahasa Melayu kepada tahap yang lebih positif, pendedahan dari segi konsep, ciri-ciri dan pelaksanaan PBM yang lebih khusus perlu diberi perhatian dan bukannya diserap dalam pendedahan tentang pendekatan aktif yang lain (Hung, W., 2011). Guru sebagai perancang, pengelola, pengurus, penilai dan fasilitator (Baharin dan Hasnita, 2010) seharusnya melengkapkan diri dari segi kesediaan sikap yang positif selain berpengetahuan dan berkemahiran dalam pendekatan pembelajaran agar sesi pembelajaran berkesan dapat direalisasikan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.3, Bil 1:42-51.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Alifa Ismail (Tidak diketahui). Kajian Pengajaran: PBL dalam Penulisan Karangan Ekspositori. Jurnal atas talian <http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg/> 1 Februari 2016
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2007). Project-Based Learning Handbook: “Educational the Millenial Learner”, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barrows, H. S. Tamblyn, R. M. (1980). *Problem-based learning*. New York: Springer.
- Barrett, T., Cashman, D., & Moore, S.(2011). Designing problems and trigger in different media. In T. Barrett, & S.Moore, Eds. *New approaches to problem-based learning revitalising your practice in higher education*. (pp. 18-35) New York: Routledge
- Berhannudin Mohd Salleh (2011).CSI: Problem-Based Learning. Presented in UTHM Lecture Series 2011 at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 2 November 2011
- Buletin Anjakan Bil 5/2015. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Buletin Anjakan Bil 7/2015. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Eagly, A. & Chaiken.S. (1993). The psychology of attitudes. Fort Worth, TX: Harcourt Brace Jovanovich.

- Fullan, M. & Suzanne Stiegelbauer. (2001). *The Meaning of Education Change* (3rd. Ed.) New York: Teacher College Press.
- Habib Mat Som, (2005). *Profil Kesediaan Guru Sekolah Menengah terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulm*. Tesis PhD. Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Howard S. Barrows, Wee Keng Neo, Lynda. (2007). *Principles and Practice of a Problem Based Learning*. Singapura: Pearson Prentice.
- Hung, W. (2011). Theory to reality: A few issues in implementary problem-based learning. *Education Technology Research Development*, 59(4), 529-552. Jurnal atas talian.  
<http://dx.doi.org/10/1007/s11423-011-9198-1>
- Hussain Othman dan Rakan-rakan. (2009). *PBL: Pembangunan Komuniti Lestari*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- Hussain Othman dan Rakan-rakan. (2008). *Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBM dan PBMBP) bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar*. *Journal of Human Capital Development* No.1 June-December 2008. Jurnal atas talian:  
[http://myais.fsktm.um.edu.my/8397/1/08/\(61-73\).pdf](http://myais.fsktm.um.edu.my/8397/1/08/(61-73).pdf)
- Jamal@Nordin Yunus dan Rakan-rakan. (2011). *Pemikiran Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Pearson Custom Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003) *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad. (2008) *Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen Komsas Bahasa Melayu*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Khoo Yin Yin dan Zakaria Kassim. (2005). *Pembelajaran Penyelesaian Masalah secara Kaedah kolaboratif dengan pemikiran kritis dan kreatif di kalangan pelajar Tingkatan Enam*. Prosiding Seminar Pendidikan Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Guru 2005; Pendidikan untuk pembangunan lestari. Anjuran bersama USM dan JPPG.
- KUiTTHO. (2005). ‘Problem-Based Learning’. *Buletin Pusat Pengajaran dan Pembelajaran*. Vol 4.Pg 5.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. September 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lieberman, A. & Miller, L. (2004). *Teacher Leadership*. San Francisco: Jossey-Bass
- Lynda Wee. (2004). *Jump Start Authentic Problem Based Learning*. Singapura: Prentice Hall
- Mohd. Izham Mohd Hamzah & Noraini Attan (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 46(E) Jun 2007: 45-60
- Mohd Khairuddin Abdullah dan Halimah Laji. (2014). *Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.4, Bil. 1 (Mei 2014): 48-58
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nariman, N., & Chrispeels, J. (2016). PBL in the Era of Reform Standards: Challenges and Benefits Perceived by Teachers in One Elementry School. *Interdisciplinary Journal of Problem-Based Learning*. 10(1).
- Norliza Hj Brahim. (2012). *Kesediaan Guru Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek di Sekolah*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Tidak diterbitkan.
- Oon- Seng Tan. (2004). *Enhancing thinking through problem based learning approaches: International perspectives*. Singapore: Thomson.
- Oon-Seng Tan. (2007). *Problem-based Learning in eLearning Breakthroughs*. Singapore: Thomson Learning.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A step-by-step guide to data analysis using spss for windoes* (3rd ed.). New York: McGraw Hill
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004). *Psikologi Pendidikan: Pendekatan Kontemporal*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Tobin, K., & McRobbie, C. J. (1996). Cultural myths as constraints to the unacted science curriculum. *Science Education*, 80(2), 223-241
- Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mahamod dan Jamaludin Badusah. (2011). Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Volume 1, Bil 2 (November, 2011): 71-84
- Wiersma, W. (2000). *Research method in education: An introduction*, (7th edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Yahya Othman. (2012). *Pengaruh Profesionalisme Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal atas talian. <http://yahyaothman.blogspot.com/2012/08> yang dilayari pada 15 mac 2013 11.00 malam.
- Zaharatul Laili Abdul Rahim. (2007). *Pembelajaran Berasaskan Masalah bagi Subjek Pengajian Kejuruteraan Elekrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.